

**NO. SOALAN : 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TAN SRI DATUK SERI  
PANGLIMA JOSEPH PAIRIN  
KITINGAN [ KENINGAU ]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sama ada cadangan untuk membina Sabah Cultural Village di kawasan Parlimen Keningau dimasukkan dalam Bajet 2017.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah memperuntukkan sebanyak RM20.1 juta di bawah Rolling Plan Pertama (2016-2017), Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RP 1, RMKe-11), bagi melaksanakan lima (5) projek pembangunan pelancongan di Negeri Sabah seperti berikut:

- i.     Projek Membina Esplanade Bengkoka Pitas (RM1 juta);
- ii.    Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Burlington Taman Kinabalu, Ranau (RM10 juta);
- iii.   Projek Infrastruktur Edu-Tourism di Pusat Pemuliharaan Gajah Pygmy, Hilir Kinabatangan (RM5.4 juta);
- iv.    Pembinaan Sistem Saliran Air dan Pembinaan Loji/Kumbahan Najis, Gunung Kinabalu, Taman Kinabalu (RM3.7 juta); dan
- v.     Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Rezab Hidupan Liar Tabin Lahad Datu (RM1 juta).

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam memastikan fasiliti pelancongan dan tempat tarikan pelancong di Sabah diperluaskan, Kementerian ini telah mengambil perhatian penuh berhubung cadangan pembinaan Sabah Cultural Village di kawasan Parlimen Keningau di mana cadangan projek tersebut akan disenaraikan di bawah permohonan *Rolling Plan Ke-3 (RP3)*, RMKe-11.

Kementerian ini juga sentiasa bekerjasama dengan Agensi Negeri terutama sekali Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar

Negeri Sabah (KPKAS) dalam mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan pelancongan domestik dan antarabangsa di kawasan Parlimen Keningau yang bersesuaian bagi memastikan produk pelancongan di Malaysia dapat dibangunkan dengan memberi faedah kepada masyarakat tempatan

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Dato' Seri Tiong King Sing**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN : 52**

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) apakah langkah-langkah Kerajaan dalam mengurangkan kadar kemalangan maut jalan raya yang semakin serius terutamanya apabila Malaysia merupakan antara negara yang mencatat kemalangan maut yang tertinggi; dan
- (b) apakah penguatkuasan Kementerian terhadap gejala pengubahsuaian kenderaan secara larangan dan nombor plat kenderaan yang tidak memenuhi piawaian.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) amat komited terhadap usaha untuk mengubah sikap pengguna jalan raya di Malaysia supaya lebih berdisiplin dan bertimbang rasa. Pelbagai usaha telah dijalankan bagi mendidik pengguna jalan raya supaya kadar kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya dapat terus dikurangkan. Kerajaan secara dasarnya mengamalkan pendekatan 5E sebagai langkah holistik ke arah meningkatkan tahap keselamatan jalan raya sekaligus mengurangkan kadar kemalangan serta kematian di jalan raya di Malaysia. Pendekatan 5E ini merangkumi Pendidikan (Education), Penguatkuasaan (Enforcement), Kejuruteraan (Engineering), Persekitaran (Environment) dan Penilaian (Evaluation).

Di bawah Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014-2020, beberapa strategi telah dirangka bagi mencapai matlamat mengurangkan kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya di seluruh negara. JKJR menekankan aspek pendidikan dan advokasi sebagai strategi untuk meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya dalam mengurangkan kadar kemalangan maut.

Selain itu, Kerajaan juga amat menitikberatkan elemen pendidikan/kesedaran yang merupakan sebahagian langkah intervensi dalam menangani isu keselamatan jalan raya. Matlamat Kerajaan adalah untuk membentuk generasi pengguna jalan raya yang lebih berhemah dan

mematuhi undang-undang jalan raya. Bagi maksud ini dua pendekatan telah digunapakai iaitu melalui pendidikan secara formal dan informal.

Di bawah pendekatan **pendidikan formal**, Kerajaan (melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Kementerian Pendidikan Malaysia) telah melaksanakan modul pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) bagi pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah. Usaha juga sedang diambil untuk memperbaiki kelemahan dan meningkatkan lagi keberkesanan modul PKJR di sekolah supaya ianya terus dapat membentuk generasi pengguna jalan raya yang berhemah pada masa hadapan dengan memasukkan isu-isu terkini keselamatan jalan raya. Selain itu, Kerajaan juga telah menggubal semula Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) berasaskan “learning outcome based” di mana penekanan telah diberikan terhadap aspek kognitif (cognitive), kemahiran (psychomotor) dan sikap (affective). KPP baharu ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2014.

Di bawah pendekatan **pendidikan informal** pula, Kerajaan melalui JKJR telah dan akan meneruskan pelbagai kempen media dan melaksanakan *Community Based Programmes* (CBP) untuk meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan jalan raya di kalangan orang ramai dan program kepada kumpulan sasaran seperti kepada pelajar institusi pengajian tinggi dan pekerja di syarikat-syarikat swasta.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan isu pengubahsuaian kenderaan tanpa kelulusan dan pemasangan nombor pendaftaran tidak memenuhi spesifikasi, MOT melalui JPJ akan melakukan penguatkuasaan secara berterusan bagi memastikan pemandu/pemilik mematuhi peraturan di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959. Pemandu atau pemilik boleh dikenakan tindakan saman dan Notis Larangan Penggunaan Kenderaan (PG1) bagi mereka membetulkan kesalahan tersebut. Sebelum notis PG1 tersebut dibatalkan, pemandu atau pemilik perlu membawa kenderaan mereka ke mana-mana pejabat JPJ untuk pemeriksaan.

Saman yang dikenakan kepada pemandu atau pemilik jika disabitkan dengan kesalahan boleh didenda oleh mahkamah tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi RM4,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 119(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987.